

21 FEB 2000

Umno-Kedah

PELANTIKAN JAWATANKUASA UMNO KEDAH DIPERSETUJUI PM, KATA SYED RAZAK

ALOR SETAR, 21 Feb (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain meminta anggota UMNO di negeri itu supaya tidak mempertikai pelantikan anggota jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Kedah yang baru diumumkan.

Syed Razak yang juga pengerusi badan itu, berkata pelantikan itu mendapat restu dan persetujuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno.

"Umno Kedah juga mengambil kira pandangan Perdana Menteri sebelum pelantikan itu dibuat," katanya pada majlis perjumpaan bersama anggota-anggota wanita Umno di sini hari ini.

Pada Rabu lepas, Syed Razak mengumumkan pelantikkan anggota exco kerajaan negeri Osman Mohamed Aji sebagai setiausaha Ummmo negeri menggantikan anggota dewan undangan negeri kawasan Sungai Tiang Rozai Md Shafian.

Beliau juga turut mengumumkan muka baru, Dr Abdul Ghani Shafie, seorang anggota biasa dari UMNO Bahagian Pokok Sena sebagai Bendahari menggantikan Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin.

Sebuah akhbar berbahasa Inggeris melaporkan bahawa pelantikan muka baru bagi kedua-dua jawatan itu agak memeranjatkan anggota-anggota UMNO negeri kerana mereka menjangkakan "orang lama" yang sewajarnya dipilih menggantikan tempat Rozai dan Abdullah Hasnan.

Jawatan Setiausaha itu kini dianggap penting dan paling berperanan sekali dalam usaha untuk "memulihkan" semula UMNO Kedah yang mempamerkan prestasi buruk pada pilihan raya umum lalu dengan melepaskan 12 kerusi dewan undangan negeri dan lapan kerusi Parlimen kepada PAS.

Syed Razak berkata, beliau yakin dengan kemampuan Osman bagi melaksanakan tanggungjawab.

Osman, 53, bekas seorang posmen dan pegawai penerangan di Pejabat Penerangan Daerah Kulim merupakan anggota dewan undangan negeri kawasan Bandar Baru dan antara muka baru calon Barisan Nasional yang menang dalam pilihan raya lepas.

Beliau merupakan Setiausaha Sulit kepada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Kadir Sheikh Fadzir sebelum dipilih sebagai calon BN dan dilantik pula Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Sumber Manusia Negeri Kedah.

Datuk Badrudin Amiruldin dikekalkan sebagai Ketua Penerangan.

Syed Razak berkata bahawa bagi jawatan Timbalan Pengerusi, Dr Mahathir sendiri yang akan membuat pilihan tidak lama lagi. Jawatan itu sebelum ini dipegang oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Abdul Hamid Othman.

-- BERNAMA

MN MAI